

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 18 MEI 2015

RUJUKAN : 7836

SOALAN:

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah benar dakwaan bahawa jumlah anggota polis di Tawau tidak mencukupi untuk memantau dan membanteras jenayah di Tawau dengan efektifnya; dan
- (b) jika benar, apakah pelan tindakan Kementerian untuk mengatasi kekurangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), di bawah Perancangan Strategik PDRM telah mengunjurkan gunatenaga semasa yang diperlukan sejumlah 150,000 orang pegawai dan anggota selaras dengan transformasi PDRM untuk menyediakan perkhidmatan yang bertaraf “*World Class Policing*” di samping mencapai sasaran di bawah “*Government Transformation Programme (GTP)*”. Pada dasarnya, pihak Kerajaan telah meluluskan sebanyak 4,000 perjawatan baru bagi setiap tahun mulai tahun 2012 sehingga 2015 bagi tujuan memperkasakan lagi perkhidmatan polis kepada masyarakat.

Statistik keanggotaan bagi Ibu Pejabat Polis Daerah Tawau, Sabah yang merangkumi balai-balai polis seperti berikut:-

| PANGKAT | GRED | KEKUATAN |
|-----------------------------------|-------------|-----------------|
| ACP | YA22 | 1 |
| SUPT | YA20 | 1 |
| DSP | YA18 | 2 |
| ASP | YA16 | 11 |
| INSP | YA13/YY14 | 27 |
| JUMLAH PEGAWAI KANAN POLIS | | 42 |
| SI | YA10 | 2 |
| SI/D | YA10 | 2 |

| | | |
|--------------------------------|-------------|------------|
| SM | YA8 | 9 |
| SM/D | YA8 | 3 |
| SJN/SM/D | YA5/YA8 | 18 |
| SJN/SM | YA5/YA8 | 27 |
| KPL/SJN/SM | YA4/YA8 | 16 |
| KPL | YA4/YA4 | 57 |
| KPL/D | YA4 | 10 |
| KONS/L/KPL/KPL | YA1/YA4 | 182 |
| KONS/L/KPL/KPL/D | YA1/YA4 | 29 |
| JUMLAH PRP & KONS | | 355 |
| KPL/S | YT4 | 2 |
| KONS/L/KPL/KPL/S | YT1/YT2/YT4 | 48 |
| JUMLAH PRP & KONS/S | | 50 |
| Jumlah Keseluruhan | | 447 |

Keanggotaan yang sedia ada bagi IPD Tawau ketika ini adalah berkemampuan untuk melaksanakan tugas kepolisan bagi memantau dan membanteras jenayah dengan efektif. Namun begitu kajian sentiasa dilakukan dari masa ke semasa untuk menambah bilangan anggota di setiap daerah selaras dengan pembangunan dan pertambahan penduduk di sesuatu daerah bersesuaian dengan keadaan semasa.

Bagi menjawab soalan (b), untuk kajian menaiktaraf pangkat dan mengukuhkan perjawatan di balai-balai polis serta di Ibu Pejabat Polis Daerah, pihak PDRM sedang membuat kajian menyeluruh di Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk dikemukakan kepada agensi

pusat. Kajian yang dibuat adalah berdasarkan kepada kedudukan balai berkenaan serta fungsi dan beban tugas yang dipikul oleh balai berkenaan mengikut kategori berikut:-

- i) **Balai Polis Metropolitan**
- ii) **Balai Polis Bandar**
- iii) **Balai Polis di luar Bandar**
- iv) **Balai Polis di Pulau-pulau**
- v) **Balai Polis di Sempadan Antarabangsa**
- vi) **Balai Polis di Lapangan Terbang (antarabangsa dan domestik) serta di Pelabuhan-pelabuhan.**
- vii) **Balai Polis di Kawasan Pendalaman, Kawasan Felda, Perkampungan Orang Asli, kampung-kampung baru dan sebagainya.**

Faktor-faktor yang akan diambil kira adalah seperti berikut:-

- i) **Faktor sosial ekonomi, dilihat dari segi pekerjaan, tahap ekonomi penduduk, kawasan industri, kawasan perbankan dan lain-lain lagi.**
- ii) **Faktor kompleksiti penugasan, dengan mengambil kira perkara-perkara yang perlu ada dalam mewujudkan sebuah balai atau ibu pejabat polis iaitu mesti ada (*Must have*), patut ada (*Should have*) dan elok jika ada (*Nice to have*).**

Selain daripada kajian pengukuhan perjawatan, kajian tersebut juga mengambil kira bebanan kewangan yang akan ditanggung oleh Kerajaan dari segi emolumen serta keperluan logistik yang lain.